

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## BANK ISLAM TERUS MENGAUM BERSAMA HARIMAU MALAYA

KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA FAM DIPERBAHARUI BUAT KALI KEEMPAT

**KUALA LUMPUR, Rabu, [7 Jun 2023]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) dengan sukacitanya mengumumkan lanjutan kerjasama dengan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) bagi menyokong pasukan bola sepak negara, Harimau Malaya. Pembaharuan kerjasama buat kali keempat ini dimulakan dengan majlis menandatangani dua dokumen di Hotel EQ, Kuala Lumpur hari ini. Dokumen-dokumen tersebut merangkumi butiran aktiviti promosi dan pembaharuan kad debit-i jenama bersama Team Harimau.

Mohd Noor Jab, Pengarah Deposit dan Kad, telah menandatangani kerjasama strategik tersebut bagi pihak Bank Islam, manakala FAM diwakili oleh Setiausaha Agungnya, Noor Azman Rahman. Turut menyaksikan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed dan Presiden FAM, Datuk Haji Hamidin Haji Mohd Amin.

Di bawah tempoh pembaharuan aktiviti pemasaran, Bank Islam akan menganjurkan program-program libat urus bersama komuniti dengan FAM di pelbagai lokasi perlawanan atau acara bawah seliaan persatuan bola speak tersebut.

Kerjasama ini juga menawarkan rekaan kad yang menarik buat penyokong skuad Harimau Malaya sebagai sokongan mereka, di samping menerima manfaat termasuk pengeluaran di ATM dan pembayaran elektronik bagi pembelian domestik dan luar negara.

Perjanjian bersama FAM ini memperlihatkan usaha Bank untuk menggalakkan dan memupuk bakat muda serta menyokong pembangunan bola speak di Malaysia. Ini akan dicapai menerusi sumbangan RM2 bagi setiap pengeluaran, fi tahunan dan penggantian Kad Debit-i Bank Islam Visa Team Harimau kepada FAM.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, pihak Bank mengiktiraf peranan penting sukan dalam menggalakkan gaya hidup sihat, membangunkan kemahiran sosial dan menyediakan faedah psikologi untuk masyarakat. Sukan juga memainkan peranan penting dalam menyatupadukan rakyat.

“Justeru, kami berharap kerjasama ini akan memberi inspirasi serta memperkasakan pemain dan bakat muda dalam mempromosikan sukan yang mementingkan semangat berpasukan, disiplin dan menyokong antara satu sama lain,” katanya.

Sejak dilancarkan pada 2013, Kad Debit-i Bank Islam Visa Team Harimau telah merekodkan 2.1 juta pemegang kad.

“Ini juga termasuk lebih 200,000 pengeluaran Kad Debit-i Bank Islam Visa Team Harimau dari Januari hingga Mei 2023. Saya juga gembira untuk berkongsi bahawa pada April 2023 sahaja, penggunaan kad itu telah menyumbang kepada hampir RM447 juta kepada jumlah keseluruhan perbelanjaan yang menggunakan kad Debit-i Bank Islam,” jelas Mohd Muazzam.

Beliau menambah, “Bank Islam berbesar hati diberi peluang untuk menggalakkan pertumbuhan industri sukan negara, khususnya Pasukan Harimau Malaya, yang dipandang tinggi di negara yang begitu meminati sukan bola sepak ini. Kami mengucapkan terima kasih kepada FAM atas kepercayaan mereka dan melanjutkan perkongsian strategik ini. Semoga usaha kita akan terus mengukuhkan industri demi kemajuan negara.”

Menurut Presiden FAM, Datuk Haji Hamidin Haji Mohd Amin, beliau optimis bahawa kesetiaan Bank Islam bersama FAM bukan sahaja memanfaatkan bola sepak negara, sebaliknya dapat menjalinkan kerjasama lebih erat dalam memastikan pulangan atas pelaburan (ROI) membawa manfaat kepada kedua-dua pihak.

“Umum mengetahui pasukan kebangsaan sentiasa menjadi perhatian dan saya percaya kehadiran Bank Islam bukan sahaja melengkapkan elemen skuad kebangsaan

sebaliknya turut menjadi elemen yang dapat membantu meningkatkan kualiti daripada aspek perniagaan," katanya.

"Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bank Islam dan selaku wakil FAM, kami sangat berbangga kerana dapat terus bekerjasama dengan Bank Islam. Apa yang pasti, kerjasama FAM dan Bank Islam bukan sahaja menunjukkan perkara positif sebaliknya ia bakal menjadi satu penanda aras yang baik khusus daripada sektor ekonomi."

"Kehadiran Bank Islam telah memberikan satu mesej penting di mana organisasi ini sentiasa menaruh keyakinan tinggi kepada FAM yang sentiasa memberikan potensi serta pendedahan positif bukan sahaja kepada produk mereka tetapi penglibatan mereka di dalam pasukan kebangsaan," kata beliau lagi.

"Umum mengetahui pasukan kebangsaan sentiasa menjadi perhatian dan saya percaya kehadiran Bank Islam bukan sahaja melengkapkan elemen skuad kebangsaan sebaliknya turut menjadi elemen yang dapat membantu meningkatkan kualiti daripada aspek perniagaan," tambah Datuk Haji Hamidin.

Bank Islam akan meneruskan aktiviti pemasarannya dalam mempromosikan kad jenama bersama tersebut dengan pengaktifan terbaharunya, 'Cabarang Ganjaran Rembat,' yang akan dijalankan sempena dua perlawanan persahabatan akan datang pasukan Harimau Malaya iaitu menentang Kepulauan Solomon pada 14 Jun dan Papua New Guinea pada 20 Jun di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

Melalui aktiviti ini, lima peminat Harimau Malaya akan diberi peluang untuk menunjukkan kemahiran bola sepak mereka dengan cuba merembat bola ke tiang gol tanpa penjaga dari tapak sepak mula untuk memenangi wang tunai bernilai RM1,000 – dan mereka perlu melakukannya di hadapan ribuan penonton semasa separuh masa perlawanan.

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila emel ke:** [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my)